

SIARAN MEDIA

MSM MENGGUNAKAN PRINSIP PEMERKASAAN WANITA (WEPs) PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU

Komited untuk memperkasakan dan menyokong tenaga kerja wanita dalam organisasi

KUALA LUMPUR, 9 FEBRUARI, 2023 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar gula bertapis negara, telah menerima pakai Prinsip Pemerksaan Wanita (*Women's Empowerment Principles* (WEPs)) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai sebahagian daripada komitmennya untuk menggalakkan kesaksamaan jantina dan pemerksaan wanita di tempat kerja, pasaran dan komuniti.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad telah menandatangani Prinsip tersebut pada 8 Disember 2022, dan dengan sukacitanya mengumumkan bahawa MSM kini tersenarai dalam kalangan 100 penandatanganan syarikat Malaysia daripada pelbagai industri dan komited untuk menyediakan tempat kerja selamat dan inklusif yang merangkumi dan menggalakkan pemerksaan wanita, kepelbagaian dan peluang yang sama rata.

Selama lebih 60 tahun, MSM telah melabur secara konsisten dalam membangunkan modal insan dan kesejahteraan petugasnya, tanpa mengira jantina. Tenaga kerja yang pelbagai dan berlainan budaya mewakili pendirian kukuh MSM dalam memanfaatkan kepelbagaian pendapat, perspektif dan latar belakang petugas, menambahkan lagi kekuatan syarikat.

Syed Feizal berkata MSM komited untuk memupuk budaya kepelbagaian dan keterangkuman. Ini termasuk memperksa dan menyokong wanita dalam organisasi. Wanita membawa kemahiran unik, perspektif serta pengalaman, dan syarikat akan berdiri lebih kukuh apabila memanfaatkan kepelbagaian itu.

"Saya percaya dengan memperkasakan wanita bermakna memberi mereka sokongan dan peluang yang mereka perlukan untuk berjaya dan mewujudkan persekitaran di mana mereka boleh berkembang maju. Kita sedar bahawa masih terdapat halangan dan kekangan yang menghalang wanita. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mengenal pasti dan menangani isu-isu ini serta mewujudkan persekitaran yang sama rata di mana setiap orang mempunyai peluang yang sama untuk berjaya. Adalah penting dan perlu untuk mewujudkan



budaya pemerksaan untuk semua petugas kami termasuk wanita di kalangan kami,” tambahnya lagi.

MSM mengiktiraf kepelbagaian tenaga kerja sebagai kekuatan organisasi dan kelebihan daya saing dalam mengekalkan dan menarik bakat terbaik untuk mengembangkan prestasi perniagaan dan berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam dunia perniagaan yang kompetitif. Sehingga kini, peratusan petugas wanita sepenuh masa di seluruh Kumpulan MSM ialah 17 peratus, di mana 41 peratus berada di peringkat eksekutif dan 7 peratus adalah peringkat bukan eksekutif. Pengeluaran penapisan gula di kilang Prai dan Johor adalah tugas yang berat dan kebanyakannya didominasi lelaki. Dalam pengurusan kanan, MSM mempunyai 22 peratus wanita dan 26 peratus wakil Lembaga Pengarah. MSM menyasarkan untuk mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus bagi kategori yang dinyatakan di atas dalam tempoh tiga tahun.

MENGENAI *THE WOMEN'S EMPOWERMENT PRINCIPLES*

Women's Empowerment Principles (WEPs) membimbing perniagaan tentang cara mempromosikan kesaksamaan jantina dan memperkasakan wanita di tempat kerja, pasaran dan komuniti. Ditubuhkan bersama oleh *UN Global Compact* dan *UN Women*, WEP disokong oleh piawaian buruh antarabangsa dan hak asasi manusia dan oleh pengiktirafan bahawa perniagaan mempunyai peranan penting dalam mempromosikan kesaksamaan jantina dan pemerksaan wanita. Mengguna pakai tujuh prinsip itu ialah cara terbaik perniagaan boleh menyampaikan cita-cita untuk kesaksamaan jantina dan pemerksaan wanita seperti yang digariskan dalam Agenda Matlamat Pembangunan Mampan 2030 dan dalam 17 SDGs.

Lebih lanjut mengenai *WEPs*, sila lawati - <https://www.weps.org/>

-TAMAT-



Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ialah pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia dan salah satu syarikat penapis gula terbesar di Asia. MSM terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama "Gula Prai". Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan sebuah syarikat logistik – MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2021, MSM mengeluarkan sebanyak 895,222 tan gula bertapis, di mana 246,101 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai sehingga 60% syer pasaran domestik. MSM telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 2011 dan mempunyai modal pasaran sebanyak RM900 juta setakat 31 Disember 2021. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis antara lain-lain produknya. Selain daripada produk pengguna isi rumah, MSM menjual kepada pelbagai pelanggan di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui pedagang, pemborong dan pengedar. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar dalam industri minuman dan makanan, hotel, restoran dan rangkaian kedai-kedai makanan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+603 2181 5018 ext. 158
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Syahidah Ismail
+603 2181 5018 ext. 154
+6019 225 9705
syahidah.i@msmsugar.com